



Utusan Malaysia - Komitmen OPEC Sokong Harga Minyak 2018

🕒 Rabu, Dis 27 2017



Komitmen OPEC sokong harga minyak 2018

NEW JERSEY 26 Dis. - Komitmen berterusan yang ditunjukkan Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) bagi mengurangkan bekalan sehingga 1.8 juta tong sehari dijangka dapat menyokong pertumbuhan harga minyak mentah pada 2018.

Pengarah dan Pakar Ekonomi Kanan Longview Economics, Harry Colvin berkata, firma pelaburan Amerika Syarikat (AS) Goldman Sachs telah menyemak semula unjuran harga minyak mentah Brent pada paras AS\$62 (RM252.90) setong, lebih tinggi daripada unjurannya sebelum ini iaitu AS\$58 (RM236.60) setong.

Katanya, minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) pula diunjur berada pada paras AS\$57.50 (RM234.55) setong berbanding AS\$55 (RM224.35) setong.



HARRY COLVIN

SITUASI pembangunan geopolitik dijangka terus menjadi pemacu utama harga minyak mentah dunia pada 2018. - GAMBAR HIASAN



"Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) dan Pentadbiran Maklumat Tenaga AS (EIA) telah menunjukkan pertumbuhan permintaan global yang kukuh pada tahun 2018 pada kadar 1.3 peratus atau lebih.

"Situasi pembangunan geopolitik dijangka terus menjadi pemacu utama harga minyak mentah dunia bagi suku pertama 2018," katanya kepada *CNBC* di sini hari ini. - AGENSI

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

